

06/02/2003

`Tiada pilihan raya sebelum saya bersara'

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak spekulasi bahawa pilihan raya umum akan diadakan sebelum beliau bersara, Oktober ini.

Perdana Menteri yang sudah 22 tahun memegang pucuk pimpinan negara, berkata tarikh pilihan raya umum itu akan ditentukan oleh penggantinya, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Tidak... ia tidak akan," katanya kepada Reuters ketika ditanya kemungkinan pilihan raya umum akan diadakan sebelum beliau bersara.

Dr Mahathir menyuarakan hasratnya untuk bersara Jun lalu, tetapi menangguhkannya selepas dipujuk bagi membolehkan proses peralihan kuasa berjalan lancar.

Kini, tersebar spekulasi di kalangan pembangkang dan ahli Umno sendiri bahawa Dr Mahathir akan mengetuai satu lagi kempen pilihan raya bagi memastikan kejayaan selesa kepada Abdullah walaupun kerajaan tidak perlu mengadakan pilihan raya sehingga lewat 2004.